

RISALAH BERKENAAN: CEDAW DAN UNDANG- UNDANG KELUARGA ISLAM



Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah satu perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh hampir semua negara anggota PBB untuk menghentikan segala bentuk diskriminasi terhadap perempuan.

Pelaksanaan penuh CEDAW boleh dilakukan selari dengan prinsip-prinsip utama Islam, termasuk nilai-nilai murni, kesaksamaan dan keadilan. Undang-undang dan amalan sedia ada umat Islam boleh diubah dan diperbaharui untuk mencerminkan nilai-nilai kebaikan sejagat. Pembaharuan undang-undang dan amalan sedia ada yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan kepentingan umum sentiasa menjadi sebahagian tradisi hukum dan perundangan Islam.

Walaupun proses penggubalan CEDAW melibatkan semua negara anggota PBB, namun ada beberapa negara yang terlibat telah menyatakan ada peruntukan tertentu dalam CEDAW tidak boleh dilaksanakan di negara mereka atas beberapa faktor yang terkait dengan hukum-hakam dan undang-undang Islam.



Contohnya, mereka mengatakan bahawa CEDAW bertentangan dengan *Shari'ah*, di mana undang-undang atau amalan sedia ada dianggap dari Tuhan. Walau bagaimanapun, Islam tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk melakukan sebarang bentuk diskriminasi terhadap perempuan.



APAKAH ITU CEDAW?

Sejarah CEDAW



CEDAW telah dibahas dan diterima oleh Sidang Umum PBB pada Disember

1979 dan mula berkuatkuasa pada September 1981 setelah ia dipersetujui oleh 20 negara anggota.

Sesetengah orang mendakwa yang CEDAW digubal oleh kuasa 'Barat' dan diwajibkan ke atas negara-negara membangun termasuklah negara majoriti Muslim. Realitinya, wakil-wakil negara Islam juga terlibat secara aktif dalam proses pengubalan

CEDAW. Proses pengubalan CEDAW oleh PBB mengambil masa yang lama dan dilakukan oleh kumpulan gerak kerja dan jawatankuasa yang terdiri daripada wakil pelbagai negara dan rantau. Hampir satu pertiga daripada delegasi di setiap jawatankuasa terdiri daripada wakil-wakil negara Islam.

Wakil-wakil dari negara Mesir, Indonesia, India, Iran, Pakistan, dan Senegal telah memainkan peranan utama dalam merangka perjanjian CEDAW.

Semua delegasi termasuk dari negara bukan Islam menunjukkan

keprihatinan dalam usaha untuk memastikan CEDAW selari dengan perlembagaan dan undang-undang negara yang terlibat (sama ada yang berkaitan agama ataupun tidak). Deraf perjanjian CEDAW diberikan kepada negara-negara anggota untuk mendapat kelulusan di pelbagai peringkat, namun deraf tersebut mendapat bantahan daripada beberapa negara majoriti Muslim.



Secara umumnya, sistem hak asasi dan CEDAW digubal bersama negara Islam dan wakil-wakilnya dengan mengambil kira konteks serta hal-hal yang berkaitan.

SIAPAKAH YANG TERLIBAT DALAM CEDAW?



CEDAW telah dipersetujui oleh 189 negara, kecuali Iran, Palau, Somalia, Sudan, Tonga, dan Amerika Syarikat. Apabila sebuah negara telah memberi persetujuan kepada CEDAW, ia mempunyai kewajipan untuk melaksanakan peruntukan CEDAW, untuk memastikan integrasi dan pelaksanaan CEDAW dalam perlembagaan, undang-undang dan dasar-dasar tempatan. Ini bagi memastikan diskriminasi terhadap perempuan dapat ditangani.



Jawatankuasa Penghapusan Diskriminasi terhadap Perempuan. Jawatankuasa CEDAW terdiri daripada 23 orang pakar hak perempuan dari seluruh dunia. Jawatankuasa CEDAW berfungsi untuk memantau pelaksanaan dan menghuraikan pemahaman peruntukan CEDAW. Ia juga mendengar kes-kes tertentu dan menjalankan siasatan ke atas pelanggaran hak-hak perempuan di negara-negara yang telah memersetujui Protokol Pilihan CEDAW.



Organisasi bukan kerajaan. NGO boleh memberikan maklumat apabila kerajaan melaporkan perkembangan pelaksanaan CEDAW kepada Jawatankuasa. **NGO atau individu** juga boleh memberi kenyataan atau bukti pelanggaran hak-hak di bawah Protokol Pilihan CEDAW.

Negara-negara yang telah menandatangani CEDAW mesti memastikan pelaksanaan penuh peruntukan-peruntukan CEDAW. Perkara ini juga dipantau oleh Jawatankuasa CEDAW, iaitu sebuah badan yang terdiri daripada pakar-pakar hak asasi perempuan dari seluruh dunia.

APAKAH PENGECCUALIAN KEPADA CEDAW?

Apabila negara-negara anggota telah mempersetujui CEDAW, pengecualian masih boleh dilakukan terhadap peruntukan-peruntukan tertentu di dalam CEDAW untuk sementara waktu. Namun, pengecualian yang bertentangan dengan 'objektif dan tujuan utama CEDAW' tidak dibenarkan.

Daripada 57 negara Pertubuhan Kerjasama Negara-Negara Islam (OIC), 32 negara menyatakan persetujuan terhadap CEDAW tanpa sebarang pengecualian terhadap peruntukan substantif (artikel 1-16) termasuklah negara yang telah menarik kembali pengecualian tersebut. Manakala, 16 negara OIC menjadikan Islam, undang-undang Islam, atau *Shari'ah* sebagai alasan untuk membuat pengecualian ke atas peruntukan substantif CEDAW.

Walaupun pengecualian dibenarkan, Jawatankuasa CEDAW menyatakan:

'Amalan tradisi, agama, budaya dan undang-undang serta dasar domestik yang tidak selari' tidak boleh digunakan untuk melanggar peruntukan CEDAW. Jawatankuasa CEDAW juga menyatakan bahawa 'pengecualian kepada artikel 16 [berkenaan perkahwinan dan kehidupan berkeluarga], dengan alasan dasar dan undang-undang negara, tradisi, agama atau budaya yang tidak selari dengan CEDAW adalah tidak dibenarkan dan perlu disemak semula, diubahsuai atau ditarik balik'.



32
NEGARA
OIC

TIADA
PENGECCUALIAN
KEPADA
PERUNTUKAN
SUBSTANTIF

APAKAH PRINSIP DAN PERUNTUKAN UTAMA CEDAW?

Prinsip utama CEDAW adalah tidak mendiskriminasi, dapat melaksanakan kewajiban negara serta memberi kesaksamaan substantif:



1 TIDAK MENDISKRIMINASI
CEDAW mengambil pandangan luas berkenaan diskriminasi di mana ia mengambilkira tindakan atau kegagalan untuk bertindak, sama ada perbuatan atau kegagalan itu berniat untuk mendiskriminasi atau memberi kesan terhadap perempuan.

2 MELAKSANAKAN KEWAJIPAN NEGARA
CEDAW mewajibkan negara **menentang secara aktif sebarang bentuk diskriminasi terhadap perempuan dan merangka pelan untuk menghapuskan diskriminasi** yang dilakukan oleh negara atau individu persendirian. Negara juga bertanggungjawab **melaksanakan kesaksamaan di antara lelaki dan perempuan secara aktif; dan merangka dasar khas bersifat sementara (tindakan afirmatif)** yang boleh membantu menangani diskriminasi dan merealisasikan keadilan dan kesaksamaan yang hakiki.

3 KESAKSAMAAN SUBSTANTIF Visi kesaksamaan CEDAW menjangkau pendekatan formal dan meletakkan semua orang pada kedudukan yang saksama tanpa mengira latar belakang. CEDAW menganjurkan kesaksamaan peluang dimana perempuan diberi hak yang saksama dan akses kepada peluang tersebut dijamin oleh undang-undang, dasar dan institusi. Kesaksamaan hasil - di mana seorang perempuan itu dapat merasa kesaksamaan hakiki sama seperti lelaki dalam ruang peribadi dan awam.

Prinsip utama CEDAW adalah tidak mendiskriminasi, melaksanakan kewajiban negara, dan kesaksamaan substantif. CEDAW secara khususnya menangani isu berkaitan stereotaip gender, pemerdagangan seks, kehidupan di ruang politik dan awam, undang-undang kewarganegaraan, pendidikan, pekerjaan, penjagaan kesihatan, penyertaan perempuan dalam lapangan ekonomi dan sosial, perempuan luar bandar, kesaksamaan di bawah undang-undang, perkahwinan dan hubungan kekeluargaan.

ARTIKEL 1-6: CEDAW merangkumi prinsip asas dan tuntutan negara untuk memastikan tiada diskriminasi dan mewujudkan kesaksamaan substantif.

ARTIKEL 7-16: merangkumi isu berkaitan ruang awam dan peribadi dimana diskriminasi sering berlaku terhadap perempuan.

ARTIKEL 17-30: merangkumi peruntukan untuk penubuhan Jawatankuasa CEDAW dan mekanisme operasi CEDAW.

Artikel 1-6

PRINSIP UTAMA DAN KEWAJIPAN UMUM

- Diskriminasi (Artikel 1)
- Pendekatan Dasar (Artikel 2)
- Jaminan Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Utama (Artikel 3)
- Langkah-Langkah Khas (Artikel 4)
- Stereotaip Peranan Gender dan Prejudis (Artikel 5)
- Pemerdagangan Perempuan dan Eksploitasi Pelacuran (Artikel 6)

Artikel 7-16

ISU-ISU KHUSUS

- Kehidupan di Ruang Politik dan Awam (Artikel 7)
- Perwakilan Perempuan (Artikel 8)
- Kewarganegaraan (Artikel 9)
- Pendidikan (Artikel 10)
- Pekerjaan (Artikel 11)
- Kesihatan (Artikel 12)
- Faedah Ekonomi dan Sosial (Artikel 13)
- Perempuan Luar Bandar (Artikel 14)
- Undang-Undang (Artikel 15)
- Kehidupan Perkahwinan dan Kekeluargaan (Artikel 16)

Artikel 17-22

JAWATANKUASA DAN PROSEDUR LAPORAN

Artikel 23-24

KESAN KEPADA NEGARA ANGGOTA

Artikel 25-30

PENTADBIRAN CEDAW


BAGAIMANA PROSES LAPORAN CEDAW DIBUAT?

Setelah sesebuah negara memersetujui CEDAW, ia perlu menyediakan laporan negara anggota kepada Jawatankuasa CEDAW dalam tempoh setahun dari tarikh persetujuan dan laporan itu perlu dikemaskini setiap empat tahun. Satu kumpulan gerak kerja dalam Jawatankuasa CEDAW akan menyemak laporan tersebut dan meminta negara anggota untuk memberi maklum balas berkenaan dengan Senarai Isu dan Pertanyaan.

Jawatankuasa CEDAW kemudiannya akan bertemu dengan wakil negara anggota di Geneva semasa Sesi CEDAW untuk membincangkan situasi dalam

negara dan mendapatkan penjelasan laporan serta maklum balas. Jawatankuasa CEDAW akan mengeluarkan **Kesimpulan Pemerhatian** dengan ulasan dan cadangan untuk tindakan yang bakal diambil dalam masa empat tahun.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh memberikan pandangan kepada proses ini dengan menyerahkan **laporan bayangan** atau **laporan alternatif** yang merupakan balasan kepada laporan negara anggota; membuat cadangan kepada Jawatankuasa CEDAW berkaitan perkara-perkara yang boleh dimasukkan dalam Senarai Isu dan Soalan; dan mencelah secara lisan semasa Sesi CEDAW.



CEDAW DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Artikel 16 CEDAW berkenaan perkahwinan dan kekeluargaan adalah salah satu peruntukan yang paling banyak diminta pengecualian oleh negara-negara Islam anggota OIC.

Negara anggota sering menyatakan bahawa mereka tidak boleh melaksanakan isu-isu tertentu di bawah CEDAW yang berkait dengan undang-undang Islam atau *Shari'ah* kerana mereka tidak mahu campur tangan dalam budaya komuniti Islam minoriti.

Walaupun bagaimanapun, beberapa negara majoriti Muslim dan negara yang mempunyai

komuniti Muslim minoriti telah memperbaharui sebahagian atau keseluruhan undang-undang keluarga Islam agar selaras dengan peruntukan CEDAW. Beberapa negara juga telah menarik kembali pengecualian terhadap beberapa artikel tertentu dalam CEDAW. Ini menunjukkan bahawa pembaharuan undang-undang dan dasar yang berasaskan hukum-hukum Islam boleh dibuat dan tidak mustahil untuk digubal supaya undang-undang Islam boleh berkembang mengikut peredaran zaman.

Pada tahun 2011, Musawah telah menerbitkan buku *CEDAW dan Undang-Undang Keluarga Islam:*

Mencari Titik Persamaan. Buku ini merekodkan cara kerajaan menggunakan agama untuk mengelak dan membuat pengecualian daripada melaksanakan peruntukan CEDAW. Buku ini juga memberi respon berdasarkan hujah agama, perspektif hak asasi manusia, realiti kehidupan, serta memberi contoh undang-undang dan dasar yang berasaskan hak asasi di negara majoriti umat Islam.

Konvensyen hak asasi manusia termasuk CEDAW, adalah selari dengan ajaran Islam dan keduanya adalah dinamik dan sentiasa berkembang.

Contoh:

MAKLUM BALAS TERHADAP NEGARA ANGGOTA YANG TIDAK MEMATUHI CEDAW

Apakah alasan negara anggota melanggar peruntukan CEDAW dan apakah respon yang diberi oleh Musawah?

Hujah negara anggota:

Shari'ah atau 'undang-undang Islam' adalah sumber utama perundangan yang digunakan untuk mentafsirkan hak, tugas, dan tanggungjawab lelaki dan perempuan. Negara tidak dapat melaksanakan peruntukan CEDAW jika ia bertentangan dengan Islam atau *Shari'ah*.



Respon Musawah:

'Undang-undang Islam' atau '*Shari'ah*' yang ada ketika ini adalah *fekah* – yang merupakan hasil tafsiran teks-teks *Shari'ah* yang dibuat oleh para ulama fekah. Dalam tradisi klasik hukum-hakam Islam, terdapat banyak mazhab yang mentafsirkan teks keagamaan secara berbeza berdasarkan konteks dan latar sosial. Kepelbagaian ini (*ikhtilaf*) diiktiraf, dihormati, dan diraikan dalam tradisi hukum-hakam Islam. Tidak pernah ada satu versi 'undang-undang Islam' yang tetap dan seragam.

Undang-undang Islam moden adalah usaha pemahaman manusia terhadap teks-teks suci yang dirangka oleh pakar perundangan dan dikanunkan oleh penggubal undang-undang. Memandangkan undang-undang dan dasar ini adalah tafsiran manusia, maka kesilapan boleh berlaku. Oleh itu, ia boleh diubah dan sentiasa berubah sekiranya undang-undang tersebut menyebabkan ketidakadilan, melampaui batas, atau mendatangkan kemudaratan. Objektif utama *Shari'ah* dan juga prinsip asas CEDAW seperti kesaksamaan, keadilan, belas ehsan, dan hormat menghormati seharusnya menjadi pemacu perkembangan undang-undang Islam dan amalannya.

Hujah negara anggota:

Islam memperuntukkan keadilan yang mencukupi atau lebih tinggi untuk perempuan termasuk hak dan tanggungjawab yang saling melengkapi antara lelaki dan perempuan.




Respon Musawah:

Pada abad ke 7, Islam membawa perubahan yang besar kepada hak-hak perempuan dan mengangkat status mereka. Ayat-ayat al-Quran pada abad ini cenderung untuk mengubah undang-undang dan amalan adat pra-Islam serta menolak ketidakadilan dan penderitaan.

Walaubagaimanapun, perubahan ini terhenti selama 300 tahun apabila mazhab fekah muncul dan mula dibukukan. Para ulama fekah menafsirkan teks-teks suci berdasarkan nilai, norma dan konteks pada zaman mereka. Malangnya tafsiran yang berabad ini tidak lagi mencerminkan pandangan al-Quran mengenai perkahwinan dan realiti kehidupan lelaki dan perempuan pada hari ini. Perubahan ke arah keadilan bermula sejak zaman Nabi (saw) perlu dilaksanakan dan disesuaikan dengan realiti kehidupan kini.

Hujah negara anggota:

Budaya, adat & penghormatan terhadap hak minoriti menghalang pelaksanaan penuh CEDAW.



Respon Musawah:

Antara alasan yang selalu diberikan oleh negara anggota yang penduduk Muslimnya minoriti ialah: '*Komuniti ini tidak bersedia untuk menerima perubahan.*' Ketidaksiediaan ini turut berlaku dalam kalangan penduduk di negara yang undang-undangnya mengiktiraf kesaksamaan antara lelaki dan perempuan. Namun, kesaksamaan dapat diangkat sepenuhnya dalam budaya dan tradisi. Budaya dan adat termasuklah tradisi perundangan Islam – sangat kaya, fleksibel, dan dinamik dalam menyediakan langkah-langkah menuju ke arah pembaharuan. Negara-negara anggota wajib berusaha untuk memastikan keadilan dan kesaksamaan untuk setiap warganegara terjamin.

MELANGKAH KE HADAPAN: PENGLIBATAN DALAM CEDAW




Kami percaya dalam masa dan konteks hari ini, keadilan tidak akan tercapai tanpa adanya kesaksamaan gender. CEDAW mampu menyediakan mekanisme yang berguna buat negara-negara anggota dalam memartabatkan keadilan. Beberapa negara Islam menentang pelaksanaan CEDAW atas alasan agama: kami menegaskan bahawa CEDAW dan undang-undang keluarga Islam boleh diselarikan.

Semua negara, termasuklah negara-negara Islam patut melaksanakan CEDAW sepenuhnya kerana:

Keadilan, kewajaran (*'adl, qist*), kesaksamaan (*musawah*), dan kemuliaan insan (*karamah*) adalah teras penting ajaran Islam. Nilai-nilai ini mesti wujud dalam undang-undang yang digubal atas nama Islam.

Al-Quran menyediakan landasan perubahan ke arah keadilan bagi semua manusia. Kerajaan mempunyai kewajipan untuk menjayakan wawasan ini. Terdapat banyak ruang dan cara yang ada dalam tradisi perundangan Islam yang membolehkan perubahan dilakukan.

Undang-undang keluarga yang tidak adil tidak boleh dibenarkan dengan menggunakan alasan agama. Undang-undang negara bukanlah dari Tuhan, sebaliknya ia digubal berdasarkan pemahaman manusia dan kodifikasi (pengkanunan) terpilih terhadap teks-teks agama. Justeru, ia boleh diubah.



Apabila agama digunakan sebagai sumber undang-undang dan dasar awam, setiap warganegara mempunyai hak untuk terlibat dalam wacana terbuka serta mencari penyelesaian bersama demi membina masyarakat yang lebih adil, saksama, dan penyayang.



Jika 'Islam adalah penyelesaian', jika Islam adalah relevan untuk setiap masa, dan jika Islam membawa kepada keadilan, adalah menjadi kewajipan kepada pemerintah untuk mencari penyelesaian baru terhadap permasalahan yang dihadapi oleh perempuan dan lelaki dalam dunia moden hari ini. Undang-undang dan amalannya boleh dan telah berubah dalam pelbagai konteks (tempat dan keadaan) supaya menjadi lebih adil dan saksama. Perubahan ini tidak mustahil dilakukan kerana adanya keserasian dan keharmonian antara prinsip al-Quran, fekah Islam yang menganjurkan perubahan dan hak asasi manusia.

?

Bagaimana kita boleh bekerjasama untuk membina masyarakat Islam yang lebih adil dan saksama?



Sisters in Islam

DITERBITKAN PADA TAHUN 2024
OLEH SIS Forum (Malaysia)

SIS Forum (Malaysia) (266561W)

Reka letak oleh **Notion**.

Alamat: No 4, Lorong 11/8E, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Telefon: +603-7960 3357,
+603-7960 5121, +603-7960 6733
+6012-812 3424 (Telenisa)

Faks: +603-7960 8737

E-mel: sis@sistersinislam.org.my

Laman Sesawang: <https://sistersinislam.org>

@SistersInIslam
 OFFICIALSIS
 SistersInIslamMYS
 @sistersinislam.my

Isi kandungan ini diterjemah daripada **Musawah Knowledge Building Briefs**, dengan kebenaran daripada pihak Musawah. Musawah adalah gerakan global bagi kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Muslim • www.musawah.org